

RESEARCH ARTICLE

Motivasi Pelajar Dalam Penggunaan Kecerdasan Buatan Untuk Pembelajaran Nahu Arab

Wan Muhammad Shaker Wan Adnan

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

ABSTRAK – Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam sistem pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab kini semakin meluas serta menjadi salah satu elemen penting dalam inovasi pendidikan. Kajian ini dijalankan bagi meneliti motivasi pelajar terhadap penggunaan teknologi AI serta tahap penguasaannya dalam konteks pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran instrumen soal selidik *Questionnaire of Artificial Intelligence Use Motives* (QAIUM) kepada 118 orang pelajar tahun satu program Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam), Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS 26 untuk menilai tahap motivasi di kalangan pelajar dan signifikan hubungan antara jantina terhadap motivasi pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai tahap motivasi yang tinggi dalam menggunakan AI bagi tujuan pembelajaran Ilmu Nahu. Namun begitu, AI masih belum dianggap sebagai satu keperluan utama dari segi perbelanjaan kewangan mahupun komitmen masa secara berlebihan. Teknologi AI dalam konteks Bahasa Arab masih memerlukan penambahbaikan agar ianya menjadi keperluan utama bagi pelajar-pelajar yang ingin menguasai Ilmu Nahu Bahasa Arab secara holistik. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan tahap motivasi pelajar. Namun begitu, pelajar perempuan didapati lebih cenderung untuk menguasai teknologi AI dalam konteks pembelajaran Ilmu Nahu. Kajian ini memberikan gambaran awal tentang tahap kesiediaan dan minat pelajar dalam penerapan AI, sekali gus menjadi asas penting bagi institusi pendidikan tinggi dalam merangka strategi pengajaran yang lebih interaktif, efisien dan berpusatkan pelajar.

ARTICLE HISTORY

Received: 7 July 2025

Revised: 3 December 2025

Accepted: 15 December 2025

Published: 22 December 2025

KATA KUNCI

Bahasa Arab

Ilmu Nahu

Kecerdasan Buatan

Motivasi

Students' Motivation in Utilizing Artificial Intelligence for Learning Arabic Grammar

ABSTRACT – The utilization of artificial intelligence (AI) in teaching and learning Arabic is spreading more rapidly and has emerged as a main element in educational innovation. This study aims to examine students' motivation for using AI technology and their level of mastery in the context of arabic grammar (Nahu) learning. A quantitative approach was employed through the distribution of the *Questionnaire of Artificial Intelligence Use Motives* (QAIUM) to 118 first-year students enrolled in the Bachelor of Education (Islamic Education) program at the Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia. The data were analyzed using descriptive and inferential methods with SPSS 26 software to determine the students' motivational level and the correlation between genders and motivation level. The findings indicate that students possess a high level of motivation to utilize AI in learning Nahu. However, AI is not yet considered to be a primary necessity that requires investing money or times. AI technology in the Arabic language learning context still needs further improvement to become an essential tool for students aiming to master Nahu comprehensively. The findings of the study also indicate that there is no significant relationship between gender and students' level of motivation. Nevertheless, female students were found to be more inclined to master AI in the context of learning Nahu. This study provides an initial overview of students' readiness and interest in the application of AI, serving as an important foundation for higher education institutions in designing more interactive, efficient, and student-centered teaching strategies.

KEYWORDS

Arabic

Arabic grammar

Artificial Intelligence

Motivation

1.0 PENGENALAN

Ilmu Nahu bukan suatu bidang yang asing dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Pendedahan terhadap Bahasa Arab telah bermula sejak sekian lama, iaitu sebelum era kemerdekaan negara Malaysia pada tahun 1957. Hal ini berikutan kemasukan Bahasa Arab ke Tanah Melayu yang dibawa oleh para pedagang dari Timur Tengah menerusi aktiviti perdagangan dan hubungan diplomatik bersama masyarakat di Tanah Melayu (Badruddin, 1950). Secara beransur-ansur, Bahasa Arab mula mendapat tempat dalam sistem pendidikan tempatan, di mana ia bermula dengan institusi pendidikan tradisional seperti di pondok dan madrasah, sebelum terus berkembang dan diinstitusikan ke dalam sistem pendidikan formal di bawah seliaan kerajaan Malaysia pada akhir tahun 70-an (Hassan Basri Awang Mat Dahan, 2005). Perkembangan ini terus diperkukuhkan pada era digitalisasi dengan kemunculan sistem peperiksaan baharu, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang menerapkan subjek-subjek dalam Bahasa Arab termasuk pengajian Ilmu Nahu dan lain-lain. Pengenalan STAM ini telah memberi ruang yang lebih luas kepada pelajar untuk mendalami Ilmu Nahu secara lebih sistematik dan tersusun. Kesan daripada perkembangan ini, pengajaran dan pembelajaran Ilmu Nahu semakin mendapat perhatian di peringkat pengajian tinggi.

Pada masa kini, pelbagai institusi pengajian tinggi di Malaysia menawarkan program pengajian Bahasa Arab yang merangkumi pelbagai bidang seperti Bahasa Arab komunikasi, kesusasteraan Arab, serta Bahasa Arab untuk tujuan khusus. Fenomena ini membuktikan bahawa Ilmu Nahu terus berkembang seiring dengan keperluan pendidikan dan perkembangan ilmu di Malaysia. Kaedah pengajaran dan pembelajaran Ilmu Nahu turut menjadi topik perbincangan penting dalam kalangan ahli akademik dalam usaha mengkaji pendekatan yang paling berkesan untuk diaplikasikan dalam kelas. Antara pendekatan yang telah diperkenalkan dan dikaji termasuk kaedah nyanyian (Wan Muhammad Shaker Wan Adnan et al., 2024), kaedah permainan Bahasa Arab (Yuslina Mohamed et al., 2022), mahupun penambahbaikan kaedah tradisional (Ade Muhammad Ritonga, 2024). Penemuan daripada kajian-kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran Ilmu Nahu turut mengalami perkembangan selari dengan faktor-faktor semasa seperti kemajuan teknologi dan kehadiran generasi pelajar yang lebih dinamik serta celik teknologi yang lebih dikenali sebagai Gen-Z (Muhammad Faiz & Juwika Afrita, 2024).

1.1 Pengintegrasian Kecerdasan Buatan dalam Ilmu Nahu Bahasa Arab

Pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran Ilmu Nahu perlu diselaraskan dengan perkembangan semasa khususnya dalam era kecerdasan buatan (AI) bagi memastikan keberkesanan dan kelangsungan ilmu. Integrasi AI dalam pengajaran Ilmu Nahu dipercayai dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran serta memperkaya pengalaman pelajar dalam memahami struktur dan hukum tatabahasa Arab secara lebih interaktif dan adaptif jika ianya diaplikasikan secara beretika dan bertanggungjawab. Antara kelebihan AI yang dapat dimanfaatkan oleh penuntut ilmu adalah pembentukan ayat Bahasa Arab, proses penterjemahan dan proses meletakkan baris pada perkataan (Muhamad Fairuz Ali & Mohd Jaffri Abdul Rani, 2024). Para pendidik juga boleh memanfaatkan penggunaan AI bagi memudahkan proses analisis teks Bahasa Arab seperti yang dijalankan oleh kajian Huda (2024). Kajian-kajian ini membuktikan bahawa penggunaan AI yang beretika dapat meningkatkan potensi penguasaan Bahasa Arab dengan lebih baik.

Meskipun perkembangan AI mempamerkan banyak kelebihan, namun cabaran dan kekurangannya harus tidak dipandang ringan. Antara kekurangan penggunaan AI dalam pembelajaran Bahasa Arab adalah keterbatasan teknologi ini kerana kekurangan libatsama pakar linguistik Arab dalam syarikat teknologi yang menyelia AI secara khusus (Doohee, 2024). Hal ini secara tidak langsung menyebabkan penggunaannya dalam menguasai Bahasa Arab adalah amat terhad melihat kepada kerumitan bahasa komputer. Oleh itu, ahli akademik dan para pakar Bahasa Arab perlu saling bekerjasama dalam mempercepatkan proses integrasi Bahasa Arab dengan teknologi AI agar ianya boleh dimanfaatkan oleh para pengguna secara menyeluruh. AI yang lebih mesra dalam konteks Bahasa Arab akan lebih memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang.

Oleh itu, para pelajar seharusnya menguasai penggunaan AI dalam pembelajaran Bahasa Arab dan seterusnya mencari limitasi dalam sistem pendidikan untuk ditambahbaik pada masa akan datang. Secara umum, kajian Rajik (2024) mendapati pelajar-pelajar kini sangat berminat untuk menguasai AI dalam pembelajaran kerana kepentingannya dan kebolehtercapaian dalam proses pembelajaran. Kajian Lin et al. (2021) turut menyatakan keperluan untuk menanam minat dan motivasi pelajar terhadap penguasaan AI agar proses pembelajaran itu kekal relevan untuk tempoh masa yang lama. Penguasaan AI di kalangan pelajar sepatutnya bukan menjadi satu kehendak, tetapi menjadi keutamaan dalam diri seorang pelajar. Hal ini kerana kaedah pembelajaran harus seiring dengan faktor perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, perkembangan kecerdasan buatan (AI) masih berlaku meskipun tidak sepantas bidang ilmu-ilmu lain. Justeru, penguasaan pelajar terhadap bidang ini amat penting agar mereka dapat memberikan nilai tambah dan menyumbang kepada pembangunan aplikasi AI yang relevan dengan bidang bahasa Arab pada masa hadapan. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap motivasi pelajar dalam penggunaan Artificial Intelligence (AI) bagi pembelajaran Nahu Arab serta melihat hubungan antara motivasi terhadap jantina pelajar.

1.2 Persepsi Pelajar terhadap Kecerdasan Buatan

Persepsi pelajar terhadap AI melibatkan tahap kesedaran, kefahaman, dan sikap mereka terhadap penggunaan teknologi ini. Penguasaan pelajar terhadap suatu kaedah pembelajaran yang baharu memerlukan persepsi yang positif serta motivasi yang tinggi daripada mereka agar ianya dapat diterapkan di dalam proses pembelajaran bagi tempoh masa yang panjang. Terdapat beberapa kajian lepas yang telah menilai persepsi pelajar terhadap pembelajaran menggunakan AI ini. Secara asasnya, dapatan kajian dapat menyimpulkan bahawa persepsi yang seimbang dipamerkan oleh para pelajar terhadap penggunaan AI bagi tujuan pembelajaran; persepsi positif dan negatif.

Kajian Nuraliah Ali et al. (2023) mendapati bahawa sejumlah besar responden bersetuju bahawa penggunaan AI dalam pembelajaran dapat membantu mereka menguasai ilmu dengan lebih efektif. Hal ini melihat kepada kepelbagaian fungsi yang wujud seperti menjawab pertanyaan umum, proses penterjemahan dan penambahbaikan teks penulisan. Fungsi-fungsi ini dapat digunakan oleh pengguna tanpa terikat kepada waktu. Kajian Fathy Radhia et al. (2023) turut menyatakan kesimpulan yang sama di mana para responden bersetuju bahawa AI dapat memberi manfaat kepada pengguna dalam proses pembelajaran. Dalam konteks pembelajaran Ilmu Nahu, beberapa aplikasi AI telah dikaji untuk melihat keberkesannya dalam menguasai ilmu tersebut dan secara kasarnya dapat dilihat bahawa aplikasi ini sedikit sebanyak dapat membantu sama ada dari segi teori (Dini Sanaya & Siti Sulaikho, 2023) atau praktikal (Maulidia et al., 2023). Kemunculan pelbagai aplikasi berasaskan AI dilihat dapat memudahkan penguasaan Bahasa Arab yang dikenali dengan kerumitannya, khususnya dalam aspek tatabahasa (Ilmu Nahu). Aplikasi yang wujud seperti ChatGPT, Claude, Meta AI dan Tashkeel dilihat semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar sebagai rujukan tambahan di samping ilmu yang diperoleh secara formal di dalam kuliah pembelajaran.

Dari sudut pandang lain, terdapat kerisauan yang ditunjukkan dalam kajian Von Kameke (2023) yang menyatakan bahawa kaedah pembelajaran menggunakan AI ini akan menghasilkan pelajar yang kehilangan tahap pemikiran kritis akibat kebergantungan kepada AI yang sangat tinggi. Antara kerisauan atau cabaran lain yang dibincangkan adalah berkait ketepatan maklumat yang diproses oleh AI kepada pengguna (Jahidih Saili et al., 2023). Kajian Maulidia et al. (2023) turut memberi penekanan yang sama berkait respon jawapan yang kurang tepat diberikan oleh AI dalam pembelajaran Ilmu Nahu. Maka, kebergantungan pelajar terhadap AI dalam pembelajaran perlu diseimbangkan dengan bimbingan tenaga pengajar di dalam kuliah pembelajaran. Namun secara umumnya, segala cabaran ini dapat diatasi sekiranya ia digunakan secara berhemah dan beretika.

1.3 Motivasi Pelajar terhadap Penggunaan Kecerdasan Buatan

Motivasi pelajar yang tinggi terhadap penguasaan kecerdasan buatan (AI) dapat dijadikan sebagai salah satu indikator penting dalam menilai keberkesanan dan potensi penerapan teknologi ini dalam sistem pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Kamberovic (2025) ke atas 256 orang pelajar mendapati bahawa wujudnya kecenderungan positif dalam kalangan responden untuk menguasai AI sebagai alat bantu dalam proses pembelajaran. Penemuan ini turut disokong oleh kajian Rajik (2024) yang menunjukkan bahawa meskipun tahap pemahaman pelajar terhadap AI ketika kajian dijalankan berada pada tahap yang sederhana, mereka tetap menunjukkan komitmen dan minat yang tinggi untuk mendalami teknologi tersebut.

Dapatan daripada kajian Murakami (2024) menunjukkan peningkatan tahap motivasi pelajar untuk menguasai AI setelah diperkenalkan oleh tenaga pengajar mereka. Kajian tersebut dijalankan ke atas pelajar-pelajar merentasi bidang ilmu termasuk pendidikan, sains, undang-undang, ekonomi dan lain-lain. Meskipun tahap peningkatannya berbeza, namun hipotesis yang tercipta daripada kajian itu menunjukkan bahawa kesemua bidang ini menunjukkan peningkatan motivasi untuk menguasai AI dalam bidang masing-masing. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar telah mula menyedari kelebihan yang ditawarkan oleh AI dalam memperkasakan proses pembelajaran mereka. Namun begitu, penggunaan AI dalam pendidikan perlulah dikawal secara beretika dan berhemah agar tidak menjejaskan nilai dan integriti sistem pendidikan itu sendiri.

Pendekatan Teori Jangkaan-Nilai atau lebih dikenali sebagai Expectancy-Value Theory telah diterapkan dalam pembinaan instrumen soal selidik Questionnaire of Artificial Intelligence Use Motives (QAIUM) yang digunakan dalam kajian ini bagi melihat tahap motivasi pelajar. Terdapat dua sumber asas yang membentuk kepercayaan motivasi seseorang iaitu jangkaan (expectancy) dan nilai (value). Teori ini diperkenalkan oleh Eccles et al. (1983) dalam kajian untuk menilai prestasi ilmu matematik di mana ia menyimpulkan bahawa jangkaan dan nilai seseorang individu berperanan secara langsung dalam mempengaruhi pilihan berkaitan pencapaian, tahap prestasi, tahap usaha serta ketekunan mereka.

Menurut Wigfield dan Eccles (2000), Teori Expectancy-Value memberikan kerangka konseptual yang signifikan dalam memahami motivasi berorientasikan pencapaian dengan menjelaskan dimensi kognitif dan emosi yang mendasari kecenderungan pelajar dalam membuat pilihan, mengekalkan usaha dan menunjukkan kesungguhan dalam aktiviti pembelajaran. Oleh itu, kajian ini menjadikan teori Expectancy-Value sebagai asas utama bagi menilai tahap motivasi pelajar dalam menguasai AI bagi tujuan pembelajaran Nahu Arab.

2.0 METODOLOGI

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kuantitatif (soal selidik) bagi tujuan pengumpulan data. Instrumen soal selidik dilihat mampu menghasilkan sejumlah besar maklumat dalam jangka masa yang singkat serta bersifat fleksibel untuk disesuaikan dalam pelbagai konteks (Marinu Waruwu et al., 2024). Kaedah ini dilihat bersesuaian dengan skop kajian ini yang melibatkan lebih daripada seratus (100) orang responden dan keperluan untuk menyelaraskan konteks pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Arab.

2.2 Responden Kajian

Kajian ini telah dijalankan ke atas seratus lapan belas (118) orang pelajar tahun satu sesi A241 di bawah program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam), Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Responden ini telah dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (purposive sampling) kerana responden dianggap paling sesuai atau relevan dengan objektif kajian, dan bukan secara rawak. Objektif kajian adalah untuk menilai tahap motivasi pelajar terhadap penguasaan AI dalam pembelajaran Ilmu Nahu. Borang soal selidik ini telah diedarkan selepas mereka selesai menjalankan kursus wajib program BAL1043 (Nahu I) bagi semester pertama pengajian. Penyelidik telah mengedarkan soal selidik ini melalui pautan Google Form kepada

responden dan sesi menjawab soal selidik telah diselia oleh penyelidik bagi memastikan responden mendapatkan penjelasan yang lebih tepat berkait item yang disenaraikan.

2.3 Instrumen Kajian

Satu set soalan piawai yang dikenali sebagai Questionnaire of Artificial Intelligence Use Motives (QAIUM) yang direka bentuk untuk mengukur tahap motivasi pelajar dalam penggunaan aplikasi kecerdasan buatan (AI) telah digunakan oleh kajian. Soal selidik ini dibangunkan berasaskan kerangka Teori Jangkaan-Nilai (Expectancy-Value Theory) bagi mengenal pasti faktor-faktor motivasi yang mendorong penggunaan aplikasi kecerdasan buatan. Dalam proses pembentukan item soal selidik, gambaran awal telah diadaptasi dan diambil daripada skala-skala yang dibangunkan berdasarkan Teori Jangkaan-Nilai dalam pelbagai bidang (Eccles & Wigfield, 1995; Valenzuela et al., 2011). Skala berkait sikap umum terhadap AI (General Attitudes to Artificial Intelligence Scale, GAAIS) digunakan bagi mengukur kesahan konvergen (convergent validity) (Kaya et al., 2024). Skala ini menunjukkan kebolehpercayaan konsistensi dalaman yang baik, dengan nilai Cronbach Alpha = 0.82 bagi GAAIS Positif dan Cronbach Alpha = 0.84 bagi GAAIS Negatif.

Instrumen QAIUM ini telah disahkan melalui sampel besar (N=1068) dalam kalangan pelajar universiti (Yurt & Kasarci, 2024) dan menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang kukuh melalui pelbagai bentuk analisis seperti Exploratory Factor Analysis (EFA) dan Confirmatory Factor Analysis (CFA). Dapatan Analisis EFA menunjukkan bukti yang kukuh terhadap kesahan struktur dan kebolehpercayaan instrumen QAIUM yang dibangunkan. Nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) yang tinggi (0.96) serta keputusan ujian Bartlett's Test of Sphericity yang signifikan ($\chi^2 = 10291.85$, $p < .001$) mengesahkan bahawa set data adalah sesuai untuk analisis faktor. Nilai muatan faktor yang diperolehi, iaitu antara 0.52 hingga 0.94, menunjukkan bahawa item-item dalam instrumen ini mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi dan mewakili konstruk dengan baik. Soal selidik QAIUM seterusnya telah disesuaikan penggunaannya oleh penyelidik dalam konteks pembelajaran bahasa Arab melihat kepada kenyataan-kenyataan instrumen yang bersifat umum dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks pembelajaran.

Soal selidik QAIUM ini terdiri daripada 20 item berskala likert lima mata (1 = Sangat Tidak Benar, 2 = Tidak Benar, 3 = Neutral, 4 = Benar, 5 = Sangat Benar) yang menilai beberapa aspek tahap motivasi seseorang pelajar. 20 item ini telah dibahagikan kepada 5 bahagian, pembahagiannya adalah seperti berikut:

Bahagian 1: Jangkaan (item 1-4)

Bahagian 2: Nilai Pencapaian (item 5-8)

Bahagian 3: Nilai Kegunaan (item 9-12)

Bahagian 4: Nilai Minat Dalaman (item 13-16)

Bahagian 5: Nilai Usaha (item 17-20)

Bahagian pertama soal selidik (jangkaan) bertujuan menilai jangkaan dan kepercayaan pelajar untuk menguasai AI bagi tujuan pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab. Bahagian kedua (nilai pencapaian) pula melihat sejauh mana pelajar menganggap penguasaan AI ini penting kerana ia berkait rapat dengan identiti diri atau imej mereka. Bahagian ketiga (nilai kegunaan) menilai sejauh mana pelajar merasakan AI itu bermanfaat sebagai medium untuk menguasai Ilmu Nahu Bahasa Arab, walaupun ia mungkin tidak berkait dengan minat dan identiti diri mereka.

Bahagian keempat (nilai minat dalaman) bertujuan melihat kesungguhan pelajar untuk menguasai AI kerana mereka benar-benar seronok, berminat atau berpuas hati ketika mempelajarinya tanpa memikirkan ganjaran luar atau kegunaan masa depan. Bahagian terakhir (nilai usaha) akan melihat sama ada pelajar mampu mengorbankan masa, tenaga dan peluang demi menguasai AI bagi pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab. Penyelidik mendapati soal selidik ini sangat sesuai digunakan dalam kajian ini bagi menilai tahap motivasi pelajar terhadap penguasaan AI bagi pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab. Soal selidik ini juga telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu bagi memastikan pelajar dapat memahami kenyataan dan seterusnya memberikan dapatan yang lebih tepat dalam kajian. Bagi memastikan kesahan kandungan soal selidik yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, semakan telah dijalankan oleh pakar dalam bidang kecerdasan buatan dan pendidikan Bahasa Arab bagi menilai kesesuaian istilah, kefahaman item serta ketepatan makna asal instrumen.

2.4 Analisis Data Kajian

Data kemudian dianalisis menggunakan aplikasi Statistical Package for the Social Sciences (SPSS 26) secara deskriptif (analisis min dan sisihan piawai) serta inferensi (korelasi Pearson & ujian-t sampel tidak bersandar) untuk melihat tahap motivasi pelajar, korelasi antara jenis motivasi pelajar terhadap jangkaan mereka dalam menggunakan AI dan tahap signifikan hubungan antara jantina ke atas motivasi pelajar bagi menguasai AI dalam pembelajaran Nahu Bahasa Arab.

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada analisis demografi responden, tahap motivasi pelajar untuk penggunaan AI dalam pembelajaran Nahu Arab, analisis hubungan signifikan antara jenis motivasi dengan kepentingan menggunakan AI, hubungan motivasi pelajar terhadap jantina dan jenis motivasi pelajar mengikut jantina.

3.1 Demografi Responden

Bahagian ini menunjukkan jantina responden yang terlibat dalam kajian. Jadual 1 menunjukkan pembahagian responden mengikut jantina, di mana jumlah responden lelaki adalah seramai 26 orang dengan peratusan sebanyak 22%, manakala jumlah responden wanita adalah jauh lebih ramai dengan bilangan 92 orang beserta peratusan sebanyak 78%. Dominasi responden perempuan di dalam kajian ini mungkin mempengaruhi pandangan keseluruhan responden terhadap isu yang dibangkitkan.

Jadual 1

Jantina responden

| Jantina | Bilangan | Peratusan (%) |
|-----------|----------|---------------|
| Lelaki | 26 | 22 |
| Perempuan | 92 | 78 |

3.2 Tahap Motivasi Pelajar untuk Penggunaan AI dalam Pembelajaran Nahu Arab

Bahagian ini menunjukkan tahap motivasi pelajar untuk menggunakan AI dalam pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab. Data ini akan memenuhi objektif kajian untuk mengetahui sama ada pelajar-pelajar berminat untuk menggunakan AI atau sebaliknya. Hasil analisis data secara deskriptif (min) telah dikelaskan kepada beberapa interpretasi mengikut pembahagian julat min bagi skala likert bagi 5 mata (Diaz et al., 2022). Interpretasi skala adalah seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Interpretasi skala likert 5 mata

| Skala | Min | Interpretasi |
|-------|-----------|---------------------|
| 1 | 1.00-1.8 | Sangat Tidak Setuju |
| 2 | 1.81-2.60 | Tidak Setuju |
| 3 | 2.61-3.40 | Neutral |
| 4 | 3.41-4.20 | Setuju |
| 5 | 4.21-5.00 | Sangat Setuju |

Hasil analisis data soal selidik secara deskriptif (min dan sisihan piawai) beserta interpretasi pula adalah seperti Jadual 3. Jadual 3 menunjukkan nilai min, sisihan piawai, interpretasi dan purata min bagi setiap item yang telah dibahagikan kepada dua bahagian utama; jangkakan (item 1 – 4) dan nilai (item 5 – 20). Dalam bahagian pertama, jangkakan pelajar terhadap penguasaan AI dalam mempelajari Ilmu Nahu (item 1, 2, 3, 4) menunjukkan nilai purata 3.51 yang membawa interpretasi setuju dengan item-item yang dinyatakan. Dapatan menyimpulkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai jangkakan sendiri yang tinggi terhadap keupayaan mereka dalam menggunakan aplikasi AI. Hal ini menunjukkan bahawa mereka yakin dengan kemampuan diri untuk mempelajari dan menguasai kemahiran berkaitan AI serta dapat menggunakannya dengan efektif. Dapatan ini selari dengan kajian Anggun Syafira Arifin et al. (2024) yang menunjukkan keyakinan pelajar dalam memahami konsep AI dan mempraktikkannya. Kajian Syamsidar dan Samsinar (2024) juga jelas menunjukkan kemampuan pelajar-pelajar untuk belajar secara sendiri dengan menggunakan AI seperti aplikasi Gemini, ChatGPT, Chatbox dan lain-lain. Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan tahap keyakinan dan kepercayaan diri yang positif terhadap kebolehan pelajar mencapai prestasi yang baik dalam konteks pembelajaran berasaskan AI.

Dalam bahagian kedua soal selidik (nilai), instrumen telah dibahagikan kepada empat jenis nilai yang seterusnya diterjemahkan kepada tahap motivasi pelajar. Secara ringkasnya, semakin tinggi nilai yang dikaitkan dengan sesuatu tugas (penguasaan AI dalam pembelajaran Nahu Arab), maka semakin tinggi tahap motivasi pelajar untuk belajar dan berusaha mencapai kejayaan dalam bidang tersebut. Perbincangan dalam nilai pencapaian (item 5, 6, 7, 8) menumpukan kepada aspek pencapaian diri pelajar terhadap penguasaan AI. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar secara relatifnya memberikan respon yang konsisten (setuju) terhadap item-item yang dikemukakan. Item-item ini membawa konteks bahawa pelajar sedar penguasaan terhadap AI dalam pembelajaran Bahasa Arab merupakan indikator penting dalam kejayaan diri seseorang pelajar. Antara item yang menunjukkan pola ini termasuk item 6, 7, dan 8 manakala item 5 menunjukkan interpretasi sangat setuju. Kajian Zhao (2025) menunjukkan bahawa ketahanan diri (resilience) dan tahap penguasaan AI kedua-duanya merupakan faktor yang signifikan terhadap motivasi, namun tahap penguasaan AI dilihat menjadi faktor yang lebih utama. Kajian ini menekankan kepentingan untuk mempersiapkan pelajar dengan kemahiran menggunakan AI dengan berkesan. Maka secara asasnya, para pelajar dilihat sudah cakna dengan kepentingan untuk menguasai AI dalam pembelajaran Nahu Arab pada masa kini.

Seterusnya, dalam perbincangan terhadap aspek nilai kegunaan (item 9, 10, 11, 12), pelajar bersetuju dengan kebanyakan item (10, 11, 12) melainkan satu item (9). Pelajar menunjukkan kecenderungan yang sedikit berbeza di mana mereka meletakkan kenyataan item 9 berada pada tahap neutral. Item tersebut (9) menyatakan bahawa AI akan membantu mereka menjadi seorang profesional yang mahir dalam Bahasa Arab. Dapatan pada item 9 ini selari dengan hasil kajian Yatri et al. (2023) yang menzahirkan kebimbangan terhadap bergantung pelajar kepada AI dalam pembelajaran Bahasa Arab yang akhirnya melahirkan pelajar yang kurang kreatif dan mengamalkan plagiarisme. Namun secara keseluruhan, mereka tetap percaya bahawa AI merupakan alat bantuan yang akan menambah nilai kegunaan mereka secara umum dan pembelajaran Bahasa Arab secara khusus.

Jadual 3*Motivasi pelajar untuk penggunaan AI dalam pembelajaran nahu Arab*

| Bil. | Item | Min | Sisihan Piawai (SD) | Interpretasi | Purata Min |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|---------------------|---------------|------------|
| 1 | Saya boleh mempelajari kemahiran yang membolehkan saya menggunakan aplikasi kecerdasan buatan (AI) dengan baik. | 3.98 | .78 | Setuju | 3.51 |
| 2 | Saya mempunyai tahap pengetahuan am tentang kecerdasan buatan yang lebih baik berbanding kebanyakan orang. | 3.27 | .89 | Neutral | |
| 3 | Saya lebih baik daripada kebanyakan rakan sebaya saya dalam menggunakan aplikasi kecerdasan buatan secara berkesan. | 3.22 | .88 | Neutral | |
| 4 | Saya mempunyai potensi yang lebih baik dalam menggunakan aplikasi kecerdasan buatan berbanding rakan-rakan lain. | 3.56 | .82 | Setuju | 3.93 |
| 5 | Keupayaan untuk menggunakan kecerdasan buatan dengan berkesan adalah penting dalam pembelajaran Ilmu Nahu. | 4.25 | .62 | Sangat Setuju | |
| 6 | Mempelajari dan melaksanakan inovasi dalam aplikasi kecerdasan buatan adalah keutamaan bagi saya. | 3.76 | .86 | Setuju | |
| 7 | Saya rasa penting untuk mengikuti perkembangan terkini berkaitan dengan kecerdasan buatan. | 3.99 | .74 | Setuju | 3.79 |
| 8 | Saya amat mementingkan pengukuhan kemahiran dalam menggunakan aplikasi kecerdasan buatan dalam pembelajaran Ilmu Nahu. | 3.70 | .79 | Setuju | |
| 9 | Saya rasa aplikasi kecerdasan buatan akan membantu saya menjadi seorang profesional yang mahir dalam Bahasa Arab. | 3.29 | 1.04 | Neutral | |
| 10 | Kecerdasan buatan meningkatkan kecekapan keseluruhan saya dan menjadikan hidup saya lebih produktif | 3.69 | .93 | Setuju | 3.80 |
| 11 | Saya menyelaraskan tugas harian saya menggunakan aplikasi kecerdasan buatan. | 3.94 | .89 | Setuju | |
| 12 | Kecerdasan Buatan memberi manfaat kepada saya dalam pelbagai mata pelajaran dan kursus terutamanya Ilmu Nahu. | 4.25 | .74 | Sangat Setuju | |
| 13 | Saya rasa selesa dalam menggunakan aplikasi kecerdasan buatan dalam pembelajaran Ilmu Nahu. | 3.64 | .82 | Setuju | 3.07 |
| 14 | Saya menikmati aktiviti yang berkaitan dengan kecerdasan buatan. | 3.83 | .83 | Setuju | |
| 15 | Saya rasa menarik untuk mengikuti perkembangan dalam kecerdasan buatan. | 3.99 | .81 | Setuju | |
| 16 | Saya rasa gembira membangunkan kemahiran dalam menggunakan kecerdasan buatan bagi proses pembelajaran Ilmu Nahu. | 3.75 | .91 | Setuju | 3.07 |
| 17 | Saya rasa berbaloi melaburkan masa dan usaha untuk mempelajari aplikasi kecerdasan buatan. | 3.45 | 1.01 | Setuju | |
| 18 | Saya rasa mempelajari aplikasi kecerdasan buatan adalah tugas yang mudah. | 3.58 | 1.00 | Setuju | |
| 19 | Saya cenderung untuk mengorbankan masa daripada aktiviti lain untuk mempelajari aplikasi kecerdasan buatan. | 2.55 | .99 | Tidak Setuju | 3.07 |
| 20 | Saya tidak teragak-agak untuk melaburkan sejumlah besar masa dan tenaga untuk meningkatkan kemahiran saya berkaitan kecerdasan buatan bagi tujuan pembelajaran Ilmu Nahu. | 2.69 | 1.08 | Neutral | |

Kemudian, item 13 hingga 16 membincangkan tentang nilai minat dalaman dalam menguasai AI. Pelajar menunjukkan tahap setuju yang konsisten bagi kesemua item. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang tulen terhadap AI dan mempunyai kecenderungan untuk meneroka serta memahami penggunaannya secara sukarela. Kajian Yang et al. (2021) juga memperlihatkan AI sebagai alat yang mendorong keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran yang dilihat lebih interaktif dan menyeronokkan. Pelajar dilihat menikmati keseronokan pembelajaran berasaskan AI ini semata-mata kerana fungsinya yang menarik. Minat dalaman terhadap AI secara sukarela dilihat mampu menjadi faktor motivasi jangka panjang ke atas pelajar kerana minat itu terbina bukan atas dasar ganjaran semata-mata akan tetapi rasa ingin tahu, keseronokan dalam pembelajaran dan kepuasan peribadi apabila berjaya menguasai kemahiran berkaitan teknologi tersebut (Conijn et al., 2023).

Akhir sekali, jadual 3 turut menunjukkan dapatan responden mengenai nilai usaha (item 17, 18, 19, 20). Dapatan menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap kesediaan yang rendah untuk mengorbankan masa dan kewangan dalam usaha untuk menguasai AI bagi tujuan pembelajaran Bahasa Arab (item 19, 20). Pelajar juga dilihat belum bersedia untuk mengorbankan keutamaan lain demi memberi tumpuan kepada penguasaan AI pada masa ini. Keadaan ini berkemungkinan berpunca daripada keterbatasan aplikasi AI yang berasaskan Bahasa Arab serta tahap ketepatannya yang masih berada pada paras sederhana dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab (Wan Muhammad Shaker Wan Adnan, 2025). Dapatan ini juga sejajar dengan kajian Rabie (2023) yang menyatakan bahawa sistem pendidikan global masih berdepan dengan keterbatasan akses terhadap pembangunan AI dalam konteks bahasa Arab. Justeru, pelajar masih belum dapat memanfaatkan sepenuhnya potensi AI dalam pembelajaran Ilmu Nahu disebabkan oleh kekangan semasa yang dihadapi dalam bidang ini. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak menafikan kewujudan motivasi dalam kalangan pelajar untuk menguasai AI secara umum. Sebaliknya, pelajar cenderung memberikan nilai yang lebih tinggi terhadap penguasaan AI sekiranya teknologi tersebut diyakini mampu memberikan maklumat yang tepat dan relevan dalam bidang ilmu Bahasa Arab.

Secara kesimpulannya, soal selidik ini telah disesuaikan dengan konteks penguasaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab secara khusus dan menilai tahap motivasi pelajar menggunakan Teori Jangkaan-Nilai. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap jangkaan dan nilai pelajar untuk menguasai AI bagi tujuan pembelajaran Ilmu Nahu berada pada tahap yang agak baik menandakan bahawa tahap motivasi pelajar juga berada pada tahap yang baik. Skor bagi item-item dalam soal selidik secara purata berada dalam lingkungan min 2.55 (item 20) hingga 4.25 (item 12), manakala purata keseluruhan ialah 3.62 yang memberi indikator bahawa para pelajar tergolong dalam kategori "setuju" dengan penguasaan AI ini. Bagi sisihan piawai pula, purata skor adalah antara .62 sehingga 1.08. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar memiliki tahap keyakinan dan motivasi yang tinggi untuk mencapai pencapaian yang cemerlang dalam pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab berasaskan penguasaan AI.

3.3 Analisis Hubungan Signifikan antara Jenis Motivasi dengan Kepentingan menggunakan AI

Bahagian ini menganalisis hubungan yang wujud antara jenis-jenis motivasi (nilai pencapaian, nilai kegunaan, nilai minat dalaman, nilai usaha) dengan jangkaan pelajar terhadap AI. Ujian korelasi Pearson telah dijalankan dan analisis serta perbincangan adalah seperti di bawah:

Jadual 4

Korelasi jangkaan pelajar terhadap ai dengan jenis-jenis nilai

| | | Keyakinan | Nilai Pencapaian | Nilai Kegunaan | Nilai Minat Dalaman | Nilai Usaha |
|---------------------|-------------------------------------|----------------|---------------------|-------------------|------------------------|----------------|
| Jangkaan | Korelasi Pearson Sig. (2-tailed) | 1 | .372** .000 | .381** .000 | .421** .000 | .319** .000 |
| Nilai Pencapaian | Korelasi Pearson Sig. (2-tailed) | .372** .000 | 1 | .465** .000 | .573** .000 | .564** .000 |
| Nilai Kegunaan | Korelasi Pearson Sig. (2-tailed) | .381** .000 | .465** .000 | 1 | .619** .000 | .324** .000 |
| Nilai Minat Dalaman | Korelasi Pearson Sig. (2-tailed) | .421** .000 | .573** .000 | .619** .000 | 1 | .661** .000 |
| Nilai Usaha | Korelasi Pearson Sig. (2-tailed) | .319** .000 | .564** .000 | .324** .000 | .661** .000 | 1 |

** Signifikan pada aras signifikan 0.01

Hasil dapatan daripada jadual 3 menunjukkan wujud hubungan signifikan yang positif pada tahap rendah dengan nilai julat korelasi Pearson ($r_s=0.373$, $p<0.05$) antara keempat-empat jenis nilai ke atas jangkaan pelajar terhadap AI bagi mempelajari Ilmu Nahu Bahasa Arab. Kesemua nilai menunjukkan jumlah p kurang daripada 0.05 menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kesemua jenis nilai terhadap jangkaan pelajar bagi menggunakan AI. Jenis nilai minat dalaman dilihat lebih tinggi berbanding jenis nilai lain dan membawa interpretasi tahap cukup dalam skala korelasi Pearson ($r_s=0.421$, $p<0.05$). Jenis nilai minat dalaman ini merupakan pendorong utama yang meningkatkan keyakinan pelajar terhadap AI kerana ia berpunca daripada kehendak para pelajar secara sukarela dan rasa ingin tahu tanpa sebarang paksaan. Secara kesimpulannya, analisis menunjukkan bahawa jangkaan pelajar

untuk menggunakan dan menguasai AI itu meningkat selari dengan peningkatan jenis-jenis nilai, meskipun kekuatan hubungan berada pada tahap yang rendah.

3.4 Hubungan Motivasi Pelajar terhadap Jantina

Bahagian ini melihat sama ada wujud hubungan antara jantina dan tahap motivasi pelajar dalam penguasaan AI bagi pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab. Dapatan adalah seperti dalam Jadual 5. Jadual 5 menunjukkan hasil statistik yang berkaitan dengan korelasi antara motivasi pelajar terhadap jantina mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua jantina menunjukkan tahap motivasi yang tinggi (setuju). Selain itu, tiada perbezaan yang signifikan dari segi statistik antara jantina dalam aspek motivasi mereka. Akhir sekali, dapat disimpulkan bahawa pelajar perempuan mempunyai tahap motivasi yang sedikit lebih tinggi ($M=72.78$, $SD=9.99$) berbanding pelajar lelaki ($M=71.12$, $SD=8.24$).

Jadual 5

Tahap motivasi pelajar berdasarkan jantina

| Motivasi | Lelaki | | | Perempuan | | |
|----------|--------|-------|---------------------|-----------|-------|---------------------|
| | N | Min | Sisihan Piawai (SD) | N | Min | Sisihan Piawai (SD) |
| | 26 | 71.12 | 8.24 | 92 | 72.78 | 9.99 |

Jadual 6

Signifikan jantina terhadap tahap motivasi pelajar

| | F | df1 | df2 | Sig. | t. | df. | Sig. (2-tailed) | Perbezaan Min | Perbezaan Sisihan Piawai |
|----------------------------|-------|-----|-----|------|-------|-------|-----------------|---------------|--------------------------|
| Andaian varians sama | 2.010 | 1 | 116 | .159 | -.779 | 116 | .438 | -1.667 | 2.140 |
| Andaian varians tidak sama | | | | | -.867 | 47.81 | .390 | -1.667 | 1.922 |

Hipotesis nul: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap motivasi pelajar untuk menguasai AI untuk tujuan pembelajaran Nahu Bahasa Arab antara pelajar lelaki dan perempuan. Ujian-t satu sampel (independent samples t-test) telah dilakukan terhadap dua pembolehubah; tahap motivasi pelajar untuk menguasai AI bagi tujuan pembelajaran Nahu Bahasa Arab dan jantina pelajar untuk menentukan sama ada min adalah berbeza secara signifikan. Berdasarkan Jadual 6 di atas, analisis data ujian Levene menunjukkan bahawa varians bagi tahap motivasi pelajar terhadap jantina adalah Homogen, $F(1, 116) = 2.01$, $p = .159$.

Analisis juga menunjukkan nilai-t bagi perbandingan tahap jantina pelajar terhadap motivasi untuk menguasai AI bagi tujuan pembelajaran Nahu Bahasa Arab ialah $t = -.779$ dan tahap signifikan $p = 0.159$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Oleh itu, hipotesis nul diterima. Secara kesimpulannya, tiada perbezaan yang signifikan ditunjukkan oleh jantina pelajar terhadap tahap motivasi pelajar dalam menguasai AI bagi tujuan pembelajaran Nahu Bahasa Arab.

Dapatan ini selari dengan kajian Nelfi Adielia Mizan dan Helmi Norman (2024) yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara niat pengguna AI antara responden lelaki dan perempuan. Dalam masa yang sama, kajian Yeh et al., (2021) menyatakan bahawa lelaki mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk menggunakan AI berbanding perempuan. Kajian menyimpulkan bahawa pembolehubah jantina perlu disertakan dengan faktor-faktor lain melihat kepada dapatan yang berbeza pada kajian-kajian lepas.

3.5 Jenis Motivasi Pelajar mengikut Jantina

Bahagian ini akan mengkaji tahap motivasi bagi pelajar lelaki dan perempuan mengikut pecahan yang disenaraikan dalam soal selidik iaitu jangkaan pelajar dalam penggunaan AI, nilai pencapaian, nilai kegunaan, nilai minat dalaman dan nilai usaha. Perbandingan ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dalam aspek motivasi terhadap penggunaan AI sebagai alat pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab.

Jadual 7 menunjukkan corak yang berterusan di mana pelajar perempuan mempunyai jumlah min yang lebih tinggi bagi kesemua bahagian, jangkaan (Perempuan=3.52, Lelaki=3.48), nilai pencapaian (Perempuan=3.97, Lelaki=3.79), nilai kegunaan (Perempuan=3.80, Lelaki=3.78), nilai minat dalaman (Perempuan=3.84, Lelaki=3.67) dan nilai usaha (Perempuan=3.07, Lelaki=3.06). Kajian menyimpulkan bahawa pelajar perempuan dalam kajian ini mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi secara keseluruhan. Dapatan ini bercanggah dengan kajian terdahulu yang mendapati bahawa pelajar lelaki lebih termotivasi untuk menguasai penggunaan AI dalam pembelajaran (Lin et al., 2021). Kajian-kajian lain juga menyimpulkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara jantina pelajar terhadap tahap motivasi mereka dalam menguasai AI (Mizan & Norman, 2023, Rahman et al, 2024, Anyim & Manabete, 2024).

Jadual 7*Tahap motivasi pelajar berdasarkan jantina*

| | Lelaki | | | Perempuan | | |
|---------------------|--------|------|--------------|-----------|------|--------------|
| | N | Min | Interpretasi | N | Min | Interpretasi |
| Motivasi | 26 | 3.48 | Setuju | 92 | 3.52 | Setuju |
| Jangkaan | 26 | 3.79 | Setuju | 92 | 3.97 | Setuju |
| Nilai Pencapaian | 26 | 3.78 | Setuju | 92 | 3.80 | Setuju |
| Nilai Kegunaan | 26 | 3.67 | Setuju | 92 | 3.84 | Setuju |
| Nilai Minat Dalaman | 26 | 3.06 | Neutral | 92 | 3.07 | Neutral |

4.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap motivasi yang baik dalam penggunaan AI bagi tujuan pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab. Analisis secara deskriptif mempamerkan tahap motivasi pelajar berada pada tahap yang tinggi. Hal ini jelas menandakan kesediaan dan keterbukaan pelajar terhadap integrasi teknologi dalam proses pembelajaran, khususnya dalam bidang pengajian Bahasa Arab. Dari aspek pembahagian jenis-jenis motivasi, pelajar menunjukkan tahap yang tinggi pada aspek nilai dalaman dan nilai kegunaan, diikuti oleh nilai pencapaian. Walau bagaimanapun, nilai usaha mencatatkan nilai yang paling rendah, menunjukkan bahawa pelajar masih kurang bersedia dari segi pengorbanan masa dan kewangan untuk menguasai AI secara mendalam. Hal ini terjadi berikutan keterbatasan keupayaan aplikasi AI dalam menyokong pembelajaran Bahasa Arab berbanding penguasaan AI dalam Bahasa Inggeris. Analisis kajian juga menunjukkan bahawa kesemua jenis nilai mempunyai hubungan yang signifikan secara positif dengan jangkaan pelajar terhadap penggunaan AI, namun kekuatan hubungannya adalah rendah. Motivasi nilai dalaman mencatatkan hubungan tertinggi menunjukkan bahawa minat dalaman dan rasa ingin tahu pelajar secara sukarela merupakan pendorong utama dalam penggunaan AI bagi pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab.

Kajian turut mengkaji hubungan antara jantina dan tahap motivasi pelajar, namun analisis menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi antara pelajar lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun, pelajar perempuan menunjukkan skor purata yang sedikit lebih tinggi dalam kesemua jenis motivasi. Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diperhalusi. Pertama, kajian ini dijalankan ke atas sampel yang terhad dan hanya mewakili satu kursus dari satu institusi. Hal ini menyebabkan dapatan tidak dapat mewakili fenomena sebenar yang berlaku di institusi lain. Kedua, penggunaan pendekatan kuantitatif sepenuhnya melalui soal selidik tanpa melibatkan kaedah kualitatif mengehakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang motivasi pelajar.

Akhir sekali, keterbatasan teknologi AI berasaskan Bahasa Arab yang kini masih berada pada tahap sederhana berkemungkinan besar mempengaruhi persepsi pelajar terhadap kepentingan AI. Berdasarkan limitasi tersebut, kajian akan datang wajar diperluaskan kepada pelajar dari pelbagai institusi, program, dan tahap pengajian bagi mendapatkan dapatan yang boleh mewakili suara pelajar secara keseluruhan. Pendekatan temubual juga perlu dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Di samping itu, kajian berkait tahap motivasi pelajar perlu dijalankan secara berkala seiring dengan perkembangan aplikasi AI yang berasaskan Bahasa Arab kerana motivasi pelajar bersifat dinamik dan dipengaruhi oleh perkembangan AI. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa pelajar berada pada landasan yang baik dalam penerimaan dan motivasi terhadap penggunaan AI dalam pembelajaran Ilmu Nahu Bahasa Arab. Dapatan ini mencerminkan bahawa meskipun motivasi minat dalaman pelajar berada pada tahap yang tinggi, namun perkembangan teknologi dan jaminan keberkesanan AI dalam pembelajaran Bahasa Arab perlu dipertingkatkan agar potensi AI dalam pembelajaran Ilmu Nahu dapat dimanfaatkan secara optimum pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh sebarang geran daripada badan pembiayaan dalam sektor awam, swasta atau sektor bukan berasaskan keuntungan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Wan Muhammad Shaker Wan Adnan (Analisis formal, Konseptualisasi, Metodologi, Pengesahan, Pengurusan data, Penyelidikan, Perisian, Sumber, Penulisan – Semakan & penyuntingan)

RUJUKAN

- Ade Muhammad Ritonga. (2024). Signifikansi Metode Deduktif dan Induktif dalam Pembelajaran Ilmu Nahu. *Modeling: Jurnal Program Studi PGMI*, 11(2), 124-134. <https://doi.org/10.69896/modeling.v11i2.2385>
- Anggun Syafira Arifin, Zakaria Al Farizi, Nurfadilah, Yohana Karanggulimo, Eko Goran Maria, Akhrajal, Isma Alip & Nadya Fitriani. (2024). Meningkatkan Minat dan Motivasi Belajar Siswa Kelas 12 Melalui Integrasi AI dan IOT dalam Pembelajaran Teknologi Digital di Era Kurikulum Merdeka. *BIOCHEPHY: Journal of Science Education*, 4(2), 945-952. <https://doi.org/10.52562/biocephy.v4i2.1358>
- Anyim, C. A., & Manabete, S. S. (2024). Interaction Effects of Artificial Intelligence and Gender on Senior Secondary Two Civic Education Students' motivation and Achievement in Jos-North Local Government Area, Plateau State, Nigeria. *BW Academic Journal*. <https://mail.bwjournals.org/index.php/bsjournal/article/view/2511>
- Badruddin Haiyi al-Sini. (1950). *Al-Alaah Bainal Arab Wa Al-Sin*. Kaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Masriyyah.
- Conijn, R., Kahr, P., & Snijders, C. (2023). The Effects of Explanations in Automated Essay Scoring Systems on Student Trust and Motivation. *Journal of Learning Analytics*, 10(1), 37–53. <https://doi.org/10.18608/jla.2023.7801>
- Diaz, J., Viray, A., Cruz, L. D., & Tabudlong, J. (2022). Factors affecting customer satisfaction on mobile money services (GCash PayMay and CoinsPH) in General Santos City Philippines. *Zenodo (CERN European Organization for Nuclear Research)*. <https://doi.org/10.5281/zenodo.8330019>
- Dini Sanaya & Siti Sulaikho. (2024, November). Analisis Kritis Terhadap Akurasi Chatsonic dalam Interpretasi Kaidah Maf'ul Bih: Studi Perbandingan dengan Kitab Jāmi'ad-Durus al-Arabiyyah. In *Proceeding International Conference on Education* (pp. 175-195). <https://jurnalfaktarbiyah.iainkediri.ac.id/index.php/proceedings/article/view/3827>
- Doohee, A. H. (2024). The Contribution of Artificial Intelligence to Learning the Arabic Language. *European Journal of Language and Culture Studies*, 3(3), 17-23. <https://doi.org/10.24018/ejlang.2024.3.3.120>
- Eccles J. S., Adler, T. F., Futterman, R., Goff, S. B., Kaczala, C. M., Meece, J. L., & Midgley, C. (1983). Expectancies, values, and academic behaviors. In J. T. Spence (Ed.), *Achievement and achievement motivation* (pp. 75–146). San Francisco, CA: W. H. Freeman
- Eccles, J. S., & Wigfield, A. (1995). In the mind of the actor: The Structure of Adolescents' Achievement Task Values and Expectancy-Related Beliefs. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 21, 215–225. <https://doi.org/10.1177/0146167295213003>
- Fathy Radia, Nurul Aini & Nur Sitha Afrilia. (2023). Analisis Niat Penggunaan Artificial Intelligence Tools oleh Pelajar Dalam Sektor Pendidikan. *Infotech: Journal of Technology Information*, 9(2), 171-176. <https://doi.org/10.37365/jti.v9i2.197>
- Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2005). *Daripada Tradisi ke Inovasi dalam Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Dilema Pelaksanaannya*. *Pedagogi merentas Kurikulum*, 68-78. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Huda, M. (2024). Analyzing Arabic Syntax Through Artificial Intelligence: A Pedagogical Framework. *IJAS: International Journal of Arabic Studies*, 1(2 Desember), 31-40. <https://ojs.bustanilmu.com/index.php/IJAS>
- Jahidih Sali, Masnih Mustapa & Siti Saidatulakmal Arishin. (2024) Chatbot AI GPT: Transformasi Pengajaran Falsafah dan Isu Semasa Era Digital: Chatbot AI GPT: Transforming the Teaching of Philosophy and Current Issues in the Digital Era. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 11(2), 100–115. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v11i2.185>
- Kamberovic, M., Delic, A., & Krivic, S. (2025). Investigating AI in programming education: self-reported AI Usage, individual traits, and learning outcomes. *Proceedings of the 33rd ACM Conference on User Modeling, Adaptation and Personalization*. <https://doi.org/10.1145/3708319.3733692>
- Kaya, F., Aydin, F., Schepman, A., Rodway, P., Yetişensoy, O., & Demir Kaya, M. (2024). The Roles of Personality Traits, AI Anxiety, and Demographic Factors in Attitudes towards Artificial Intelligence. *International Journal of Human–Computer Interaction*, 40(2), 497-514. <https://doi.org/10.1080/10447318.2022.2151730>
- Lin, P. Y., Chai, C. S., Jong, M. S. Y., Dai, Y., Guo, Y., & Qin, J. (2021). Modeling the Structural Relationship among Primary Students' Motivation to Learn Artificial Intelligence. *Computers and Education: Artificial Intelligence*, 2, 100006. <https://doi.org/10.1016/j.caeai.2020.100006>
- Marinu Waruwu, Siti Natijatul Pu'at, Patrisia Rahayu Utami, Elli Yanti & Marwah Rusydiana. (2025). Metode penelitian kuantitatif: Konsep, jenis, tahapan dan kelebihan. *Jurnal Ilmiah Profesi Pendidikan*, 10(1), 917-932. <https://doi.org/10.29303/jipp.v10i1.3057>
- Maulidiya, A. R., Abdurrahman, M., & Saleh, N. (2024). Exploring AI Capabilities in Arabic Grammar: Comparative Analysis of ChatGPT and Gemini. *Arabiyat: Journal of Arabic Education & Arabic Studies/Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 11(2). <https://doi.org/10.15408/a.v11i2.42671>
- Muhamad Fairuz Ali & Mohd Jaffri Abdul Rani. (2024). Kecerdasan Buatan (AI) Sebagai Medium Transformasi Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Al-Haady*, 5(1), 1-9. <https://ejournal.unipsas.edu.my/index.php/haady/article/view/387318>
- Muhammad Faiz & Juwika Afrita. (2024). Tantangan dan Strategi Pemahaman Bahasa Arab untuk Pendidikan Generasi Z: Analisis dan Prospek Masa Depan. *Jurnal Pendidikan Indonesia*, 5(4). <https://doi.org/10.59141/japendi.v5i4.2749>
- Murakami, Y., Sho, Y., & Inagaki, T. (2024). Improving Motivation in Learning AI for Undergraduate Students by Case Study. *Journal of Information Processing*, 32, 175-181. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.12.2024>

- Nelfi Adiola Mizan & Helmi Norman. (2024). Persepsi Pelajar Pra-Universiti dalam Menggunakan AI Generatif: Kajian di Universiti Swasta Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 138-149. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.12.2024>
- Nuraliah Ali, Mulida Hayati, Rohmatul Faiza & Alfi Khaerah. (2023). Artificial Intelligence (AI) dalam Pendidikan Islam: Trends, Persepsi, dan Potensi Pelanggaran Akademik di Kalangan Mahasiswa. *Indonesian Journal of Islamic Religious Education*, 1(1), 51-66. <https://doi.org/10.63243/1sqbam44>
- Rabie, D. R. M. (2023). The Future of Education with Artificial Intelligence and Machine Learning in the Arab World: A Systemat. *العلوم التربوية*, 31(3), 35-1. <https://doi.org/10.21608/ssj.2023.344574>
- Rajik, J. A. (2024). Attitudes towards Large Language Models and Motivations for Their Use: Basis for Classroom Integration. *European Journal of Education Studies*, 11(12). <http://dx.doi.org/10.46827/ejes.v11i12.5727>
- Rahman, M. M., Babiker, A., & Ali, R. (2024, November). Motivation, Concerns, and Attitudes towards AI: Differences by Gender, Age, and Culture. In *International Conference on Web Information Systems Engineering* (pp. 375-391). Singapore: Springer Nature Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-96-0573-6_28
- Syamsidar & Samsinar. (2024, October). Efektivitas Artificial Intelligence (AI) pada Pembelajaran Sains dan Agama untuk Meningkatkan Kemandirian Belajar Mahasiswa. In *Prosiding Seminar Nasional Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan IAIM Sinjai* (Vol. 3, pp. 18-25). <https://doi.org/10.47435/sentikjar.v3i0.3135>
- Valenzuela, J., Nieto, A., & Saiz, C. (2011). Critical Thinking Motivational Scale: A Contribution to The Study of The Relationship Between Critical Thinking and Motivation. *Electronic Journal of Research in Educational Psychology*, 9(2), 823-848. <https://doi.org/10.25115/ejrep.v9i24.1475>
- Von Kameke, L. (2023, May 10). Top User Concerns about ChatGPT SEA 2023. <https://www.statista.com/statistics/1382944/sea-top-user-concerns-about-chat-gpt/>.
- Wan Muhammad Shaker Wan Adnan. (2025). Keberkesanan Kecerdasan Buatan dalam Pembelajaran Ilmu Nahu: Suatu Tinjauan Umum.: The Effectiveness of Artificial Intelligence in Arabic Syntax: A General Overview. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 9(1), 1–10. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v9i1.298>.
- Wan Muhammad Shaker Wan Adnan, Azlan Shaiful Baharum & Mohd Nizwan Musling. (2024). Faktor Luaran yang Mempengaruhi Keberkesanan Kaedah Nyanyian dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian Perspektif Pelajar: External Factors Affecting The Effectiveness of Singing Methods in Learning Arabic: A Study on Students' Perspectives. *Al-Azkiyaa-International Journal of Language and Education*, 3(2), 121-133. <https://doi.org/10.33102/alazkiyaa97>
- Wigfield, A., & Eccles, J.S., (2000). Expectancy–value theory of achievement motivation. *Contemporary Educational Psychology*, 25(1) (2000), pp. 68-81, <https://doi.org/10.1006/ceps.1999.1015>
- Yang, S. J. H., Ogata, H., Matsui, T., & Chen, N. S. (2021). Human-centered artificial intelligence in education: Seeing the invisible through the visible. *Computers and Education: Artificial Intelligence*, 2. <https://doi.org/10.1016/J.CAEAI.2021.10.0008>
- Yatri, D., Anugerahwati, M., & Setyowati, L. (2023). Artificial Intelligence (AI) in Language Learning (English and Arabic Class): Students' and Teachers' Experience and Perceptions. *Transformational Language Literature and Technology Overview in Learning* (Transtool), 3(1), 1–12. <https://doi.org/10.55047/transtool.v3i1.1338>.
- Yeh, S. C., Wu, A. W., Yu, H. C., Wu, H. C., Kuo, Y. P., & Chen, P. X. (2021). Public Perception of Artificial Intelligence and its Connections to the Sustainable Development Goals. *Sustainability*, 13(16), 9165. <https://doi.org/10.3390/su13169165>
- Yurt, E., & Kasarci, I. (2024). A Questionnaire of Artificial Intelligence Use Motives: A Contribution to investigating The Connection Between AI and Motivation. *International Journal of Technology in Education*, 7(2). <https://doi.org/10.46328/ijte.725>
- Yuslina Mohamed, Nurhasma Muhamad Saad, Sulaiman Ismail & Mesbahul Hoque. (2022). Keberkesanan Gamifikasi Tatabahasa Arab “Ana Sibawayh” dalam Pdp: Tinjauan terhadap pelajar FPBU USIM: (Effectiveness of Arabic Grammar Gamification “Ana Sibawayh” in Teaching and Learning: A Survey Study on FPBU Students at USIM). *Al-Azkiyaa-International Journal of Language and Education*, 1(1), 92-103. <https://doi.org/10.33102/al-azkiyaa>
- Zhao, J. (2025). The Role of Learners' AI Literacy and Resilience in Boosting Their Engagement and Motivation in AI-Based Settings: From an Achievement Goal Theory Perspective. *Learning and Motivation*, 91. <https://doi.org/10.1016/j.lmot.2025.102152>